



# Perspektif

## CABARAN PROFESION KEGURUAN

Oleh

DR. HAJAH SA'ADIAH SHUIB

Mantan Pensyarah Kanan  
Institut Aminuddin Baki  
Genting Highlands

[sedyiab11@gmail.com](mailto:sedyiab11@gmail.com)

Editor: Dr Nor'aishah Abu Shah

**PERSEPSI** sesetengah masyarakat yang bertanggung bahawa profesion keguruan tamat sebaik-baik loceng tamat belajar dibunyikan pada pukul 1.30 tengah hari atau pada pukul 6.30 petang. Persoalannya, adakah itu hakikat yang sebenar?

Biar apa-apa sahaja persepsi yang dilemparkan oleh kebanyakan orang terhadap profesion keguruan, sebagai seorang guru, tugas dan tanggungjawab mereka tetap terletak pada kemahiran mendidik anak-anak. Biar setinggi mana pun ijazah yang dimiliki, tetapi jika seseorang guru tidak memiliki kemahiran yang sewajarnya, maka perkataan seperti 'pengajaran guru membosankan' akan keluar daripada mulut pelajar yang memberikan gambaran bahawa pengajaran guru tersebut tidak berkualiti bukan hanya dari aspek pengisian pengajaran atau perancangan, tetapi dari aspek strategi dan sistem penyampaian.

Memang mudah untuk mengajar, iaitu guru hanya memerlukan sukatan pelajaran, rancangan pelajaran, serta bahan pengajaran. Walau bagaimanapun, agak sukar untuk menyampaikan pengajaran yang benar-benar dapat difahami dan tidak menjemukan. Oleh itu, guru harus kreatif dan inovatif dalam penyampaian. Sama seperti seorang pelakon, guru harus bijak memainkan peranannya dalam pelbagai situasi untuk menarik minat pelajar dalam memberikan tumpuan terhadap pembelajaran. Guru yang kreatif dapat mengintegrasikan pelbagai bahan, kaedah, dan teknik dalam penyampaian. Penghasilan, penciptaan, dan pengubahsuaian bahan serta corak pembelajaran menjadikan seseorang guru itu lebih inovatif sehingga mampu melibatkan pelajar dalam aktiviti pembelajaran.

Hakikatnya, tugas seorang guru bukan sekadar melaksana sukatan pelajaran. Guru bukan sekadar mengajar, tetapi umpama doktor dan jururawat yang bertindak merawat pelajar. Guru turut menyelesaikan kertas kerja dan borang, serta surat yang terpaksa ditaip dan diisi.

Guru juga berperanan penting dalam mendidik akhlak dan sahsiah pelajar supaya berakhlak baik dan berbudi bahasa. Dalam istilah perundangan disebut sebagai *in loco parentis* yang bermaksud pengganti tugas ibu bapa. Dalam erti kata lain, pihak sekolah mempunyai tanggungjawab secara langsung bagi memastikan pelajar diselia dan dilindungi secara munasabah. Ketika pelajar berada di kawasan sekolah, tanggungjawab menjaga mereka terletak di bahu pihak sekolah.

Sebagai ibu atau bapa kepada para pelajar, guru bukan sekadar mengenali nama sahaja tetapi harus menjiwai mereka. Hal ini bermaksud guru seharusnya memahami kehendak, tabiat, sikap, tingkah laku yang merangkumi aspek kekuatan dan kelemahan pelajar. Proses ini seharusnya berlaku apabila seseorang guru itu mula melangkah ke bilik darjah pada hari pertama dan dilakukan secara santai melalui proses interaksi dua hala.

Tugas sebagai seorang guru, bukan hanya sekadar untuk melahirkan pelajar yang cemerlang di bidang akademik semata-mata, tetapi lebih daripada itu. 'Kemenjadian pelajar' adalah untuk menjadikan mereka manusia yang berguna kepada dirinya sendiri, agama, bangsa dan negara. Ini bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu 'Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu dan meningkatkan bakat pelajar dan kemahiran mereka dalam aktiviti kokurikulum yang diceburi. Oleh itu, guru haruslah mempamerkan satu pemikiran yang seimbang agar menjadi ikutan dan menggalakkan pelajarinya berbuat demikian, melalui penggunaan teknologi pendidikan yang efektif.

Pendek kata, untuk menjadi guru yang berkualiti, mereka harus memainkan peranan yang besar, iaitu bukan sekadar mengajar di dalam bilik darjah sahaja, tetapi lebih daripada itu. Bagi melahirkan guru yang benar-benar berkualiti bukanlah perkara yang mudah.

Berdasarkan beberapa tapisan tertentu, guru harus mempunyai kemahiran tertentu untuk diaplikasikan dalam profesion mereka. Sebagai contoh, seorang guru yang mempunyai kemahiran dalam bidang tarian, drama, teater, nyanyian, boleh pula bermain alat muzik mempunyai satu kelebihan yang boleh digunakan untuk mengajar pelajar khususnya melalui kokurikulum. Semua kemahiran yang dimiliki oleh seseorang guru ini akan diaplikasikan semasa sekolah mengadakan Hari Anugerah Cemerlang, Hari Guru, Hari Sukan, Hari Kantin atau Hari Karnival. Guru akan bertindak sebagai jurulatih dan pembimbing. Kesudian dan kerjasama guru dalam menjalankan tugas sedemikian serta kesanggupan mereka mengorbankan masa yang lebih banyak membuktikan pengorbanan guru yang amat besar.



Gambar 1. Kesenian tradisional boleh disampaikan kepada pelajar sekolah melalui latihan dalam aktiviti kokurikulum.


Aktiviti kebudayaan sebenarnya dapat mencegah kejahatan sosial dan keruntuhan akhlak remaja serta masyarakat seperti gejala penagihan dadah, AIDS, dan vandalisme. Pelajar dapat mengenal pasti pelbagai warisan budaya masyarakat kita seperti tarian, alat muzik dan bahasa hidup bersama-sama dalam masyarakat pelbagai kaum dan menghargai serta berbangga dengan kekayaan warisan budaya Malaysia.

Kesenian tradisional boleh disampaikan kepada pelajar sekolah melalui latihan dalam aktiviti kokurikulum. Usaha ini memberikan peluang kepada mereka yang berminat untuk mengikutinya. Di sekolah-sekolah tertentu, wujud Kelab Tunas Budaya. Dengan ini, budaya kita akan terus berkembang dan seni jiwa bangsa dapat dihayati kerana 'tak kenal maka tak cinta'. Seseorang guru yang mempunyai kebolehan dan kemahiran, seharusnya mendapat pengiktirafan, keistimewaan dan lain-lain yang sepatutnya diperoleh guru tersebut seperti yang termaktub dalam Pekeliling 1/1985 (Perakuan 75) ms 65 yang menyatakan: Di samping itu guru-guru yang mengendalikan kegiatan kokurikulum hendaklah diberi pengiktirafan yang sewajarnya supaya mereka lebih giat lagi terutamanya dari segi penyeliaan kegiatan-kegiatan tersebut.

Penulis percaya guru-guru seperti ini biasanya sangat aktif dalam Persatuan Sukan & Kebudayaan Perkhidmatan Pendidikan Malaysia (PSKPP) atau dalam Persatuan Sukan dan Kebudayaan Kementerian Pendidikan Malaysia (MESCA) dan sekiranya mereka diberikan pengiktirafan dan dihargai jasanya sudah tentu mereka akan terus bergiat aktif dalam Kementerian Pendidikan dan berkhidmat dengan lebih cemerlang lagi di masa-masa akan datang. Secara tuntasnya, janganlah kita biarkan kebudayaan dan kesenian kita hanya dapat ditonton di muzium. Ramai anak muda hari ini 'cetek pengetahuan' tatkala diajukan akan variasi tarian tradisional. Transformasi globalisasi serta penembusan kuasa medium elektronik seperti televisyen dikatakan menjadi antara punca kecenderungan minat generasi hari ini lebih menjurus kepada tarian moden dan pendedahan pula lebih ke arah tarian barat. Semua orang, sekarang ini, hendak jadi seperti orang Korea.



“Apabila ditanya kenapa bukan joget, inang, zapin, asli, mereka kata bosan. Oleh itu, tarian tradisional haruslah dikomersialkan dan aktiviti-aktiviti serta usaha memupuk dan memelihara budaya ini tidak seharusnya dipandang enteng.”



Oleh itu guru memainkan peranan yang penting dalam pembentukan generasi negara yang berilmu. Peranan guru hari ini tidak lagi sama dengan peranan guru pada masa lalu. Yang pasti, guru akan terus berhadapan dengan pelbagai cabaran pada masa akan datang.



Gambar 2. Tarian tradisional diajar di peringkat sekolah memberikan pendedahan awal kepada pelajar demi memupuk minat generasi muda.

Seseorang guru tidak semestinya memiliki personaliti garang dan tidak pula terlalu lembut dengan pelajar-pelajarnya, tetapi perlu mempunyai unsur kecintaan dalam penyampaian pengajaran agar pelajar berasa seronok dan mudah menerima ilmu yang disampaikan.

Guru memainkan peranan yang penting dalam pembentukan generasi negara yang berilmu. Peranan guru hari ini tidak lagi sama dengan peranan guru pada masa lalu. Yang pasti, guru akan terus berhadapan dengan pelbagai cabaran pada masa akan datang.

Sumber:

<https://www.youtube.com/watch?v=8miP8pKAslo>